

07/02/2003

Belajar sehingga jam 4.30 petang di Perlis

KANGAR: Perlis akan melaksanakan semula Program Peningkatan Prestasi Pelajar (4P) membabitkan pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negeri.

Mengikut program itu, pelajar dikehendaki terus berada di sekolah sehingga jam 4.30 petang untuk mempelajari mata pelajaran tambahan seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris dan Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa).

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata selain bahasa dan Kafa, pelajar juga dikehendaki solat Zuhur dan Asar di sekolah secara berjemaah.

Beliau yang juga Exco Pendidikan berkata kerajaan negeri bercadang memulakan program itu dalam tempoh dua minggu lagi.

Bagaimanapun, katanya, tidak ada paksaan terhadap ibu bapa yang enggan anak mereka menyertai 4P dengan alasan tertentu.

Shahidan berkata langkah itu juga selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya mata pelajaran sekolah agama rakyat (SAR) diajar pada waktu petang di sekolah kebangsaan.

Katanya, bagi sekolah jenis kebangsaan pula, masa untuk bahasa Arab dan Kafa boleh digantikan dengan mata pelajaran lain seperti bahasa Melayu atau bahasa ibunda masing-masing.

Beliau berkata, Perlis pernah melaksanakan 4P di antara tahun 1996 dan 1997 tetapi terpaksa ditangguhkan kerana masalah kewangan.

Shahidan berkata program berkenaan mendapat sambutan baik daripada ibu bapa ketika itu kerana kebanyakan mereka tidak perlu mengambil anak masing-masing pada waktu tengah hari.

"Saya akan berbincang mengenai perkara ini dengan Menteri Pendidikan (Tan Sri Musa Mohamad) petang ini (semalam) dan meminta kementerian membantu di segi kewangan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.

Beliau berkata, kira-kira RM2 juta diperlukan setahun untuk melaksanakan program itu.